



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

2023

Laporan Naziran Aktiviti Perburuhan



KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Latar Belakang

1 - 2

Objektif

3

Skop

4

Metodologi

5

Penemuan Naziran

6 - 25

Syor

26 - 27

Rumusan

28

Rujukan

29

Pasukan Naziran 2023

30 - 31

Penghargaan

32

LATAR BELAKANG

1. Latar Belakang Aktiviti Perburuhan

1.1 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dahulunya dikenali sebagai Jabatan Buruh telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1912. JTKSM merupakan salah satu daripada 14 jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang mempunyai 52 pejabat negeri dan cawangan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

1.2 'Peneraju Utama Penguatkuasaan, Perundangan & Pentadbiran Perburuhan Negara' merupakan visi JTKSM. Selaras dengan visi tersebut, Pelan Strategik JTKSM 2021 - 2025 menyenaraikan antara fungsi dan peranan JTKSM adalah seperti berikut:

- menjalankan pemeriksaan berkanun ke atas tempat pekerjaan dan tempat penginapan pekerja;
- mengurus, mengendali dan menyelesaikan pertikaian tuntutan pekerja dan majikan di Mahkamah Buruh;
- memproses dan menjalankan siasatan permohonan perakuan penginapan pekerja;
- memproses dan menjalankan siasatan permohonan lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS); dan
- memproses permohonan permit perburuhan.

1.3 Rangkuman daripada fungsi dan peranan yang disenaraikan, JTKSM telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memastikan pengurusan perburuhan dan penguatkuasaan yang lebih efisien dan efektif serta peningkatan pematuhan majikan terhadap perundangan dan piawaian perburuhan.

1.4 Aktiviti pendengaran kes buruh di Mahkamah Buruh adalah berlandaskan objektif untuk menyediakan sistem pengadilan perburuhan yang adil, mudah, cepat dan murah bagi menyelesaikan tuntutan pekerja mengenai gaji dan lain-lain faedah kewangan yang layak dituntut oleh pekerja di sektor swasta. Mahkamah Buruh merupakan satu sistem 'quasi-judicial' sebagai alternatif kepada tuntutan sivil.



- 1.5 Aktiviti pemeriksaan tempat pekerjaan merupakan salah satu cara bagi memastikan faedah dan perlindungan pekerja yang diperuntukkan di bawah undang-undang perburuhan dipatuhi oleh majikan. Objektif pemeriksaan tempat pekerjaan adalah:
- memantau pematuhan undang-undang perburuhan;
 - sistem pengesanan dan pencegahan awal bagi sebarang penyelewengan undang-undang buruh;
 - memberi khidmat pendidikan perburuhan kepada pelanggan jabatan;
 - mengumpul maklumat yang diperlukan bagi tujuan perancangan dasar dan undang-undang dalam bidang perburuhan; dan
 - mempromosikan amalan perhubungan perusahaan terbaik dan dasar-dasar Kerajaan.
- 1.6 Aktiviti permohonan perakuan penginapan pekerja adalah rentetan daripada pindaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020. Pindaan dalam Akta ini telah dimasukkan Bahagian baharu iaitu Bahagian IIIA yang merangkumi seksyen 24A hingga seksyen 24N berkaitan penginapan dan kemudahan yang perlu disediakan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat. Bahagian ini terpakai bagi pekerja yang diambil bekerja dalam semua sektor selain estet. Bahagian IIIA Akta 446 mewajibkan majikan dan penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan kepada pekerja diperakukan dengan Perakuan Penginapan. Majikan dan penyedia penginapan dikehendaki memohon Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM dalam bentuk dan kaedah yang ditentukan dengan disertakan fi pemprosesan. JTKSM akan menjalankan pemeriksaan ke atas penginapan sebelum suatu kelulusan diberikan.
- 1.7 Aktiviti pelesenan APS adalah berlandaskan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] yang telah berkuatkuasa di Malaysia pada tahun 1981. Pindaan terkini Akta ini telah diluluskan pada 14 Ogos 2017 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018 bertujuan mengawal aktiviti APS dan menjaga hak serta kebajikan pencari kerja. Oleh itu, mana-mana orang yang menjalankan aktiviti merekrut hendaklah dilesenkan di bawah Akta ini.
- 1.8 Aktiviti permit perburuhan pula dilaksanakan berdasarkan Akta Kerja 1955 [Akta 265]. Akta ini menetapkan standard minimum terma dan keadaan pekerjaan untuk dipatuhi oleh majikan. Akan tetapi, dalam keadaan tertentu, kelonggaran daripada pematuhan tersebut boleh diberikan melalui kebenaran Ketua Pengarah JTKSM dalam bentuk permit perburuhan untuk majikan atau Kebenaran Am untuk selain majikan yang terdiri daripada pihak ketiga contohnya Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat dan institusi perbankan.
- 1.9 Setiap aktiviti mempunyai Tatacara Pengendalian Piawai atau Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan sebagai panduan kepada pegawai JTKSM dalam melaksanakan aktiviti tersebut kecuali aktiviti permit perburuhan.

OBJEKTIF

2. Objektif Naziran

Naziran dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pematuhan pegawai terhadap SOP atau garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan terhadap kes yang dikendalikan.



SKOP

3. Skop Naziran

- 3.1 Skop naziran yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah meliputi dua perkara utama iaitu pematuhan SOP dan pengurusan fail.
- 3.2 Naziran dilaksanakan bagi aktiviti perburuhan iaitu kes buruh, pemeriksaan berkanun, permohonan perakuan penginapan pekerja, pelesenan agensi pekerjaan swasta dan permit perburuhan yang diterima dan diselesaikan pada tahun 2022.



METODOLOGI

4. Metodologi Naziran

- 4.1 Naziran dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi semua aktiviti perburuhan yang dibuat naziran. Sistem Labour Market Database (LMD) pula disemak bagi aktiviti seperti kes buruh, pemeriksaan berkanun dan permit perburuhan. Selain itu, maklum balas PTK turut diperolehi bagi fail yang disemak semasa naziran.
- 4.2 Sebanyak 100 fail yang diterima oleh pejabat cawangan dan didaftarkan melalui sistem LMD dan Sistem Akta446 bagi setiap aktiviti di setiap pejabat telah dipilih untuk dibuat naziran. Walau bagaimanapun, mana-mana aktiviti kurang daripada 100 fail, semua fail yang diterima oleh PTK bagi aktiviti tersebut akan disemak semasa naziran.
- 4.3 Pelaksanaan naziran adalah melibatkan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) sahaja bagi aktiviti Kes Buruh dan Pemeriksaan Berkanun manakala bagi aktiviti Perakuan Penginapan naziran adalah di peringkat PTK dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri. Seterusnya bagi aktiviti pelesenan APS dan Permit Perburuhan, naziran dibuat untuk proses yang dilaksanakan di peringkat PTK, JTK Negeri dan Ibu Pejabat. Ini berdasarkan tindakan dan peranan PTK, JTK Negeri dan Ibu Pejabat dalam SOP daripada permulaan atau penerimaan sehingga penyelesaian aktiviti perburuhan.
- 4.4 Naziran telah dilaksanakan dari bulan Mac hingga Jun 2023. Pejabat yang terlibat dalam naziran adalah seperti berikut:




PENEMUAN NAZIRAN

5. Penemuan Naziran Aktiviti Perburuhan

5.1 Kes Buruh

5.1.1 Jumlah keseluruhan kes buruh yang diterima pada tahun 2022 berdasarkan rekod LMD adalah 11,126 kes. Sebanyak 894 kes buruh telah disemak semasa naziran.


5.1.2 Jenis tuntutan adalah seperti dalam Carta 1.



5.1.3 Semua kes yang diterima telah dibuka fail fizikal dan didaftarkan dalam sistem LMD. Walau bagaimanapun, terdapat 19 (2%) kes yang diterima tidak didaftarkan dalam Buku Daftar Kes Buruh. Ini melibatkan kes di PTK Temerloh (9 kes), PTK Batu Pahat (7 kes) dan PTK Butterworth (3 kes).

5.1.4 Pengagihan kes buruh kepada pegawai dilaksanakan oleh ketua pejabat tetapi terdapat 65 (7%) kes tidak diagihkan oleh ketua pejabat di PTK Bangi.

- 5.1.5 Sistem e-Labour Court (eLC) telah diguna pakai oleh JTKSM dalam mengendalikan kes buruh mulai tahun 2015. Hasil naziran mendapati 141 (16%) keterangan bersumpah pengadu yang diambil tidak menggunakan eLC. Analisis naziran mendapati kes tertinggi tidak menggunakan eLC untuk mengambil keterangan bersumpah pengadu adalah di PTK Temerloh iaitu 87 kes dan hanya PTK Kuala Lumpur mengambil keterangan pengadu sepenuhnya menggunakan eLC. Alasan yang diberikan antaranya adalah sistem tidak dapat diakses semasa mengambil keterangan pengadu dan maklumat dalam sistem tidak dikemas kini menyebabkan pegawai lebih cenderung untuk menggunakan cara manual berbanding sistem.
- 5.1.6 Semua PTK menggunakan notis sebagai pemberitahuan kepada defendan untuk tarikh sebutan kes sebagaimana yang ditetapkan dalam SOP Kes Buruh. Akan tetapi, PTK Johor Bahru, PTK Batu Pahat dan PTK Subang Jaya menggunakan Borang A - Saman Defendan di bawah seksyen 70(c), Akta Kerja 1955 untuk pemberitahuan sebutan kes. Justifikasi bagi penggunaan Borang A - Saman Defendan ini adalah lebih banyak kes dapat diselesaikan dan tempoh penyelesaian kes adalah lebih cepat. PTK lain pula menggunakan Borang A - Saman Defendan sekiranya defendan tidak menghadiri sebutan kes pada kali pertama atau untuk tujuan perbicaraan kes buruh.
- 5.1.7 Naziran turut mendapati sebanyak 17 (2%) kes tiada notis sebutan kes kepada pengadu. Ini kerana kes diselesaikan sebelum notis dikeluarkan, kes dipindahkan ke PTK lain dan kes dibatalkan atau ditarik balik oleh pengadu.
- 5.1.8 Analisis naziran menunjukkan di peringkat sebutan, penyelesaian kes paling tinggi adalah dengan cara dibatalkan dan tarik balik iaitu 447 (50%) kes. Ini diikuti dengan penyelesaian melalui perintah persetujuan iaitu sebanyak 346 (39%) kes manakala hanya 101 (11%) kes tidak dapat diselesaikan dan diteruskan untuk perbicaraan.
- 5.1.9 Keputusan daripada 101 kes yang dibicarakan adalah seperti dalam Carta 2.



- 5.1.10 Semakan lanjut naziran mendapati 11 (3%) kes daripada 346 kes yang diselesaikan melalui perintah persetujuan tidak dikeluarkan Borang C (Perintah di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955) melibatkan PTK Temerloh (5 kes), PTK Butterworth (3 kes), PTK Georgetown, PTK Kuala Lumpur dan PTK Subang Jaya masing-masing 1 kes.
- 5.1.11 Semakan naziran turut mendapati bahawa 13 (13%) daripada 101 kes buruh yang dibicarakan juga tiada Borang C (Perintah di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955) melibatkan PTK Johor Bahru (4 kes), PTK Butterworth (3 kes) dan masing-masing 1 kes di PTK Georgetown, PTK Batu Pahat, PTK Temerloh, PTK Kuala Lumpur, PTK Subang Jaya serta PTK Bangi.
- 5.1.12 Seterusnya 25 (7%) kes yang diselesaikan melalui perintah persetujuan di peringkat sebutan, tiada bukti penyampaian Borang C kepada pengadu dan defendan manakala 17 (17%) kes yang dibicarakan, tiada bukti penyampaian Borang C kepada pengadu dan defendan.
- 5.1.13 Sebanyak 39 (11%) kes pula tidak dikeluarkan Memorandum Persetujuan apabila diselesaikan melalui perintah persetujuan di peringkat sebutan kes.
- 5.1.14 Hasil naziran mendapati bahawa 27 (9%) kes yang dibatalkan tiada surat pemberitahuan batal kepada pengadu dan defendan manakala 7 (4%) kes yang ditarik balik tiada surat tarik balik oleh pengadu dan 40 (24%) kes tiada surat pemberitahuan bahawa kes telah ditarik balik kepada defendan serta salinan kepada pengadu.
- 5.1.15 Pemfailan rayuan terhadap perintah Ketua Pengarah bagi kes yang dibicarakan menunjukkan hanya 5 (5%) daripada 101 kes dan semua rayuan mempunyai rekod rayuan serta resit bayaran praecipe. Walau bagaimanapun, terdapat 2 (40%) kes iaitu di PTK Johor Bahru dan PTK Batu Pahat yang dirayu masih belum disediakan nota keterangan semasa naziran dilaksanakan tetapi masih dalam tempoh yang ditetapkan untuk penyediaan nota keterangan.
- 5.1.16 Semakan naziran selanjutnya mendapati 67 (19%) daripada 347 kes yang diselesaikan melalui perintah persetujuan tiada bukti pembayaran oleh defendan. Sebanyak 43 (65%) daripada 67 kes buruh yang tiada bukti pembayaran diberikan notis peringatan kepada defendan selepas 30 hari Borang C dikeluarkan.

- 5.1.17 Semakan terhadap fail dan dokumen kes bagi 67 kes buruh yang tiada bukti pembayaran oleh defendan mendapati tindakan berdasarkan minit ketua pejabat adalah 35 (53%) kes ditutup, 23 (33%) kes tiada arahan lanjut, 5 (8%) diambil tindakan pendakwaan dan 4 (6%) untuk tindakan 'Judgement Debtor Summon' (JDS). Analisis selanjutnya mendapati PTK Georgetown mengambil tindakan tutup fail bagi semua kes yang tiada bukti pembayaran iaitu 17 kes. PTK lain yang mengambil tindakan sama adalah PTK Butterworth (9 kes), PTK Kuantan dan PTK Temerloh masing-masing 3 kes, PTK Subang Jaya (2 kes) dan PTK Bangi (1 kes).
- 5.1.18 Naziran turut mendapati 21 (8%) daripada 280 kes buruh yang selesai bayaran pula tiada minit tutup fail oleh ketua pejabat.
- 5.1.19 Hasil naziran juga mendapati 87 (10%) sebutan kes dijalankan melebihi tempoh 30 hari daripada tarikh kes difailkan. Selain itu, 65 (7%) kes diselesaikan melebihi tempoh 90 hari daripada tarikh kes difailkan sehingga keputusan dikeluarkan berdasarkan tarikh dalam Borang C. Analisis mendapati kes diselesaikan melebihi tempoh 90 hari yang tertinggi adalah di PTK Butterworth iaitu 15 kes diikuti PTK Bangi 15 kes dan hanya di PTK Kuantan semua kes diselesaikan dalam tempoh 90 hari. Kelewatan bagi lain-lain kes adalah di PTK JB (9 kes), PTK Kuala Lumpur dan Subang Jaya masing-masing 8 kes, PTK Temerloh (6 kes), PTK Georgetown (5 kes) serta PTK Batu Pahat (2 kes).
- 5.1.20 Sebanyak 491 (55%) saman dikeluarkan daripada keseluruhan kes buruh yang disemak semasa naziran dan didapati 430 (87%) saman dikeluarkan sebelum sebutan pertama. Namun begitu, 363 (74%) saman yang dihantar tiada affidavit penyampaian saman oleh penghantar notis manakala 39 (8%) saman tiada bukti penyerahan saman. 187 (38%) saman pula tidak direkodkan dalam Daftar Penyerahan Saman.
- 5.1.21 Semakan lanjut terhadap buku kes menunjukkan 186 (21%) daripada 894 kes tidak direkod dalam buku kes melibatkan kes tertinggi berlaku di PTK Kuala Lumpur (56 kes) diikuti dengan PTK Temerloh (46 kes) dan PTK Bangi (28 kes). Baki kes lain berlaku di PTK Subang Jaya (24 kes), PTK Johor Bahru (14 kes), PTK Georgetown (11 kes), PTK Butterworth (4 kes) dan PTK Batu Pahat (2 kes). Semua kes buruh yang disemak di PTK Kuantan didapati direkodkan dalam Buku Kes Buruh. Penggunaan buku kes adalah berdasarkan seksyen 71 Akta Kerja 1955 dan perlu dipatuhi oleh semua pegawai pendengar tanpa mengira jenis tuntutan mahupun jenis penyelesaian kes buruh. Selain itu, terdapat juga Surat Pekeliling Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Bil 2/2002 bertarikh 5 April 2002: Buku Kes Buruh diedarkan kepada semua PTK.

- 5.1.22 Selain itu, didapati juga 279 (31%) rekod keterangan tidak direkod berdasarkan format Garis Panduan Penyediaan Buku Kes Buruh dengan kes tertinggi disumbangkan oleh PTK Kuala Lumpur (62 kes), diikuti PTK Temerloh (50 kes) dan PTK Bangi (43 kes). Kes lain adalah di PTK Subang Jaya (36 kes), PTK Johor Bahru dan PTK Batu Pahat masing-masing 25 kes, PTK Georgetown (21 kes), PTK Butterworth (14 kes) dan PTK Kuantan (3 kes). JTKSM telah mengeluarkan Panduan Penyediaan Buku Kes Buruh dan diedarkan kepada semua PTK serta dimuatnaik dalam Portal JTKSM untuk dijadikan panduan kepada semua pegawai pendengar kes buruh.
- 5.1.23 Semakan terhadap pengurusan fail bagi aktiviti kes buruh di peringkat PTK mendapati:
- (a) 135 (15%) fail tiada tarikh pergerakan ditulis pada kulit fail;
 - (b) 19 (2%) fail tiada direkod minit tindakan dalam kertas minit;
 - (c) semua kandungan dan minit tindakan direkodkan dalam kertas minit serta tarikh pergerakan direkodkan di kulit fail bagi semua fail kes buruh adalah di PTK Subang Jaya, PTK Batu Pahat, PTK Kuantan dan PTK Temerloh; dan
 - (d) terdapat agihan fail kepada pegawai lain tetapi kes dikendalikan oleh pegawai yang berbeza namun tidak direkodkan dalam Buku Daftar Kes Buruh atau agihan dalam sistem LMD nama pegawai yang mengendalikan kes buruh tersebut kerana pertukaran fail dilakukan sesama pegawai di PTK Bangi.
- 5.1.24 Semakan dalam sistem LMD mendapati:
- (a) 105 (12%) kes menunjukkan medan penting tidak diisi;
 - (b) 75 (8%) maklumat dalam fail fizikal tidak sama dengan maklumat yang diisi dalam sistem; dan
 - (c) 16 (2%) kes tidak dikemas kini dalam sistem.

5.2 Pemeriksaan Berkanun

- 5.2.1 Pemeriksaan berkanun yang dijalankan pada tahun 2022 adalah sebanyak 31,283 pemeriksaan. Sebanyak 890 fail telah disemak bagi aktiviti pemeriksaan berkanun dan 10 fail yang disenaraikan tidak dikemukakan semasa naziran melibatkan PTK Johor Bahru (3 fail), PTK Bangi (2 fail) dan masing-masing 1 fail di PTK Georgetown, PTK Butterworth, PTK Batu Pahat, PTK Kuantan dan PTK Subang Jaya.
- 5.2.2 Hasil naziran mendapati 523 (59%) pemeriksaan dijalankan di premis majikan manakala 367 (41%) pemeriksaan dijalankan di pejabat atau melalui pemeriksaan sendiri. Analisis selanjutnya menunjukkan pemeriksaan dijalankan di pejabat atau pemeriksaan sendiri paling tinggi dilaksanakan di PTK Subang Jaya (78 pemeriksaan) diikuti PTK Bangi (77 pemeriksaan), PTK Batu Pahat (65 pemeriksaan), PTK Kuala Lumpur (58 pemeriksaan), PTK Temerloh (41 pemeriksaan), PTK Johor Bahru (29 pemeriksaan), PTK Georgetown (7 pemeriksaan), dan masing-masing 6 pemeriksaan di PTK Butterworth dan PTK Kuantan.
- 5.2.3 Aktiviti pemeriksaan berkanun didapati dilaksanakan terhadap 753 (85%) majikan yang menggajikan pekerja manakala 137 (15%) pemeriksaan dijalankan terhadap majikan yang tidak mempunyai pekerja. Pemeriksaan terhadap majikan yang tidak menggajikan pekerja melibatkan PTK Georgetown (39 pemeriksaan), PTK Johor Bahru (26 pemeriksaan), PTK Temerloh (23 pemeriksaan), PTK Butterworth (20 pemeriksaan), PTK Kuala Lumpur (12 pemeriksaan), PTK Batu Pahat (8 pemeriksaan), PTK Bangi (5 pemeriksaan), PTK Subang Jaya (3 pemeriksaan) dan PTK Kuantan (1 pemeriksaan).
- 5.2.4 Analisis naziran mendapati 313 (35%) borang pemeriksaan tidak dilengkapi oleh pegawai selepas pemeriksaan dilaksanakan terhadap majikan. Borang pemeriksaan tidak lengkap merupakan borang yang tidak diisi ruangan tertentu dan dibiarkan kosong tanpa sebarang catatan. Borang pemeriksaan tidak lengkap tertinggi adalah di PTK Temerloh (77 pemeriksaan) dan terendah di PTK Johor Bahru (3 pemeriksaan). Bilangan borang pemeriksaan tidak diisi dengan lengkap di PTK lain adalah di PTK Subang Jaya (65 pemeriksaan), PTK Bangi (47 pemeriksaan), PTK Georgetown (34 pemeriksaan), PTK Kuala Lumpur (31 pemeriksaan), PTK Kuantan (25 pemeriksaan), PTK Butterworth (20 pemeriksaan) dan PTK Batu Pahat (11 pemeriksaan).

- 5.2.5 Analisis selanjutnya mendapati 350 (39%) borang pemeriksaan tiada ulasan ketua pejabat dengan jumlah tertinggi di PTK Bangi dan PTK Subang Jaya masing-masing 70 pemeriksaan, PTK Temerloh (63 pemeriksaan), PTK Kuala Lumpur (49 pemeriksaan), PTK Batu Pahat (48 pemeriksaan), PTK Georgetown (29 pemeriksaan), PTK Johor Bahru (15 pemeriksaan), PTK Kuantan (5 pemeriksaan) dan PTK Butterworth (1 pemeriksaan).
- 5.2.6 Analisis turut mendapati 203 (23%) laporan tiada ulasan pegawai pemeriksa dengan jumlah tertinggi dicatatkan di PTK Temerloh (59 pemeriksaan) diikuti PTK Bangi (47 pemeriksaan), PTK Subang Jaya (45 pemeriksaan), PTK Batu Pahat (21 pemeriksaan), PTK Kuala Lumpur (14 pemeriksaan), PTK Johor Bahru (10 pemeriksaan), PTK Georgetown (5 pemeriksaan) dan masing-masing 1 pemeriksaan di Kuantan dan PTK Butterworth.
- 5.2.7 Semakan naziran juga mendapati salinan dokumen penggajian juga tidak diambil semasa pemeriksaan untuk dijadikan rujukan atau sandaran kepada laporan dalam borang pemeriksaan melibatkan 375 (42%) pemeriksaan. Jumlah ini terdiri daripada 83 pemeriksaan di PTK Temerloh, 54 pemeriksaan di PTK Kuala Lumpur, 52 pemeriksaan di PTK Georgetown, 46 pemeriksaan di PTK Kuantan, 43 pemeriksaan di PTK Batu Pahat, 33 pemeriksaan di PTK Bangi, 28 pemeriksaan di PTK Butterworth, 26 pemeriksaan di PTK Johor Bahru dan 10 pemeriksaan di PTK Subang Jaya.
- 5.2.8 Hasil selepas pemeriksaan dijalankan menunjukkan hanya 132 (15%) pemeriksaan mengesan majikan ada melakukan pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan manakala 758 (85%) pemeriksaan tiada sebarang kesalahan dikesan. Pelanggaran undang-undang oleh majikan paling banyak dikesan oleh PTK Johor Bahru (39 pemeriksaan) diikuti PTK Batu Pahat (27 pemeriksaan), PTK Bangi (15 pemeriksaan), PTK Butterworth (14 pemeriksaan), PTK Subang Jaya (10 pemeriksaan), PTK Temerloh (8 pemeriksaan), PTK Kuantan (7 pemeriksaan) dan PTK Kuala Lumpur serta PTK Georgetown masing-masing 6 pemeriksaan.
- 5.2.9 Sebanyak 123 (93%) notis pematuhan dikeluarkan kepada majikan yang melakukan kesalahan tetapi 9 majikan tidak dikeluarkan notis pematuhan iaitu 2 di PTK Kuala Lumpur dan masing-masing 1 di PTK Butterworth, PTK Johor Bahru, PTK Batu Pahat, PTK Kuantan, PTK Temerloh, PTK Subang Jaya dan PTK Bangi manakala PTK Georgetown berjaya mengeluarkan notis pematuhan kepada semua majikan yang dikesan melakukan kesalahan semasa pemeriksaan. Justifikasi notis pematuhan tidak dikeluarkan antaranya adalah notis pematuhan dikeluarkan melalui fail aktiviti aduan, kertas siasatan dibuka terhadap majikan, khidmat nasihat diberikan kepada majikan untuk menambah baik kontrak perkhidmatan dan kesalahan dianggap sebagai kesalahan kecil.

- 5.2.10 Semakan juga mendapati notis pematuhan tidak dikeluarkan dalam tempoh 7 hari yang ditetapkan melibatkan 10 (8%) daripada 123 pemeriksaan. Ini termasuk notis dikeluarkan lebih awal dari tarikh pemeriksaan contohnya fail rujukan PMK1070120220469. Antara alasan yang diberikan adalah kelewatan mengemukakan laporan ketua pejabat dan notis pematuhan dikeluarkan hanya selepas semakan laporan pemeriksaan.
- 5.2.11 Semakan terperinci selanjutnya mendapati 103 (12%) notis pematuhan yang dikeluarkan mendapat maklum balas daripada majikan manakala 23 (3%) tiada maklum balas terhadap notis pematuhan. 5 (22%) daripada 23 majikan yang tidak memberikan maklum balas telah diberikan notis tunjuk sebab. 74 (9%) maklum balas dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis pematuhan, 34 maklum balas diberikan selepas tempoh 14 hari.
- 5.2.12 Semakan terhadap pengurusan fail bagi aktiviti pemeriksaan berkanun di peringkat PTK mendapati:
- (a) 522 (75%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit;
 - (b) 300 (34%) fail tiada rekod minit tindakan dalam kertas minit;
 - (c) 156 (18%) fail menunjukkan dokumen tidak dikandung dalam fail fizikal; dan
 - (d) 139 (16%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail.
- 5.2.13 Semakan dalam sistem LMD mendapati:
- (a) 335 (38%) medan penting tidak diisi;
 - (b) 328 (37%) maklumat dalam fail fizikal tidak sama dengan maklumat yang diisi dalam sistem; dan
 - (c) 156 (6%) kes tidak dikemas kini.
- 5.2.14 Semakan naziran turut mendapati berlakunya perkara seperti berikut:
- (a) terdapat PTK yang tidak melaksanakan perancangan pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan dalam SOP;

- (b) pemeriksaan dilakukan terhadap tempat pekerjaan yang telah tutup contohnya fail rujukan PMK1070120220556. Fail ini sebaiknya tidak perlu direkodkan sebagai pemeriksaan kerana majikan telah membuat pemberitahuan kepada PTK dan mengemukakan MyData SSM yang menunjukkan maklumat bahawa majikan telah pindah ke Ulu Tiram, Johor Bahru tetapi fail ini direkodkan sebagai pemeriksaan berkanun;
- (c) pemeriksaan direkodkan dalam LMD termasuk mengemas kini bahawa majikan mempunyai 2 orang pekerja digajikan tetapi fail menunjukkan bahawa perniagaan telah tutup dan tidak beroperasi serta tiada borang pemeriksaan dalam fail contohnya fail rujukan PMK1070220220221 dan pemeriksaan tidak dapat dijalankan kerana premis majikan tidak wujud. Namun begitu, dalam sistem LMD dikemas kini bahawa majikan mempunyai seorang pekerja (pengurusan) dan direkodkan sebagai pemeriksaan contohnya fail rujukan PMK1140120220851;
- (d) penyata gaji dan kontrak perkhidmatan menunjukkan terdapat pelanggaran Akta Kerja 1955 seperti pengiraan gaji kerja pada cuti am dan kontrak perkhidmatan tidak lengkap, waktu kerja dalam kontrak perkhidmatan 12 jam sehari, kerja 6 hari seminggu tetapi pegawai penyiasat menyatakan tiada pelanggaran contohnya fail rujukan PMK1060420220060;
- (e) tiada borang pemeriksaan berkanun dalam fail dan hanya ada borang maklumat tempat pekerjaan tetapi direkodkan sebagai pemeriksaan contohnya fail rujukan PMK1060420220168;
- (f) pemeriksaan dibuat dengan pegawai penyiasat menyalin borang pemeriksaan pada tahun sebelumnya dengan mengisi borang pemeriksaan sendiri yang sepatutnya diisi oleh majikan;
- (g) fail pemeriksaan ditutup walaupun tiada bukti pematuhan terhadap kesalahan yang dikesan semasa pemeriksaan contohnya fail rujukan PMK1060420220496;
- (h) daftar fail pemeriksaan dalam sistem LMD mengambil masa antara 1 hingga 4 bulan selepas pemeriksaan dijalankan oleh pegawai di PTK;
- (i) laporan pemeriksaan dihantar kepada ketua pejabat mengambil masa yang lama sehingga hampir 1 tahun contohnya fail rujukan PMK1100120220375; dan
- (j) menyimpan pemeriksaan yang dilakukan pada tahun sebelumnya untuk dijadikan pemeriksaan pada tahun berikutnya sekiranya PTK telah mencapai sasaran.

5.3 Perakuan Penginapan Pekerja

- 5.3.1 Sepanjang tahun 2022, jumlah permohonan yang diterima dan diproses oleh PTK berdasarkan janaan melalui Sistem Akta446 adalah 13,139 permohonan merangkumi 12,522 permohonan daripada majikan dan 617 permohonan daripada penyedia penginapan berpusat. Sebanyak 901 fail telah disemak bagi aktiviti permohonan penginapan pekerja.
- 5.3.2 Hasil naziran mendapati 67 (8%) dokumen permohonan beserta fi proses yang diterima tidak dikandung dalam fail iaitu di PTK Butterworth (44 permohonan), PTK Temerloh (9 permohonan), PTK Kuala Lumpur (8 permohonan), PTK Bangi (4 permohonan) dan PTK Georgetown serta PTK Subang Jaya masing-masing 1 permohonan.
- 5.3.3 Semakan naziran turut mendapati 273 (30%) permohonan tidak dicop tarikh penerimaan dokumen melibatkan permohonan di PTK Subang Jaya (80 permohonan), 43 permohonan masing-masing di PTK Kuantan dan PTK Temerloh, PTK Butterworth dan PTK Kuala Lumpur turut berkongsi angka iaitu 39 permohonan, PTK Georgetown (19 permohonan) serta PTK Bangi (10 permohonan). PTK Johor Bahru dan PTK Batu Pahat menunjukkan semua permohonan perakuan penginapan pekerja dicop tarikh penerimaan dokumen.
- 5.3.4 Semakan terhadap resit bayaran fi proses menunjukkan 178 (20%) resit tidak dikeluarkan berdasarkan nombor rujukan permohonan. Perkara ini didapati berlaku di PTK Subang Jaya (100 permohonan), PTK Butterworth (44 permohonan), PTK Kuala Lumpur dan PTK Bangi masing-masing 10 permohonan, PTK Temerloh (7 permohonan), PTK Georgetown (5 permohonan), masing-masing 1 permohonan di PTK Johor Bahru dan PTK Kuantan. Semakan naziran di PTK Batu Pahat mendapati semua resit bayaran fi proses dikeluarkan berdasarkan nombor rujukan permohonan. Resit tidak dikeluarkan berdasarkan nombor rujukan permohonan antaranya disebabkan oleh tiada salinan resit atau maklumat bayaran dikandung dalam fail, maklumat dalam resit hanya dinyatakan nama pemohon tetapi tiada maklumat nombor rujukan permohonan, kesilapan nombor rujukan contohnya fail rujukan PAC/10601/2020/9160 tetapi direkodkan pada resit sebagai PAC/10601/2020/9060, resit yang dikandung dalam fail adalah untuk permohonan yang lain contohnya fail rujukan PAC/10604/2021/26977 dan 1 resit bayaran dikeluarkan untuk 7 permohonan tetapi tidak dinyatakan kadar fi bagi setiap satu permohonan contohnya fail rujukan PAC/11401/2021/55868.

- 5.3.5 Selain itu, turut dikesan bahawa PTK Subang Jaya menerima bayaran fi proses yang menggunakan cek juruwang iaitu melalui fail rujukan PAC/11001/2022/57887.
- 5.3.6 Analisis lanjut naziran mendapati 576 (64%) permohonan menunjukkan tarikh resit bayaran fi proses dikeluarkan lewat dari tarikh penerimaan permohonan. Ini berlaku di semua PTK kecuali PTK Johor Bahru yang mengeluarkan semua resit bayaran fi proses sama dengan tarikh penerimaan permohonan. Jumlah permohonan tertinggi yang lewat dikeluarkan resit bayaran fi adalah di PTK Kuantan (91 permohonan), PTK Subang Jaya (87 permohonan), PTK Temerloh (82 permohonan), PTK Butterworth (82 permohonan), PTK Georgetown (80 permohonan), PTK Kuala Lumpur (67 permohonan), PTK Bangi (63 permohonan) dan PTK Batu Pahat (24 permohonan).
- 5.3.7 Semakan turut mendapati agihan tugas bagi permohonan yang diterima bukan diagihkan oleh ketua pejabat tetapi oleh ketua unit atau pegawai yang menjalankan tugas ketua pejabat semasa ketiadaan ketua pejabat melibatkan 370 (41%) permohonan. Angka ini mewakili PTK Kuala Lumpur dan PTK Bangi masing-masing 99 permohonan, PTK Johor Bahru (96 permohonan), PTK Temerloh (48 permohonan), PTK Butterworth (14 permohonan), PTK Batu Pahat dan PTK Georgetown masing-masing 7 permohonan.
- 5.3.8 Naziran mendapati 363 (40%) agihan fail kepada pegawai tidak diminit dan direkodkan tarikh agihan. Sebahagian besar daripada angka ini disumbangkan oleh PTK Bangi (100 permohonan), PTK Kuala Lumpur (99 permohonan) dan PTK Johor Bahru (95 permohonan). PTK lain adalah PTK Temerloh (47 permohonan), PTK Butterworth (15 permohonan) dan PTK Georgetown (7 permohonan). PTK Subang Jaya, PTK Batu Pahat dan PTK Kuantan cemerlang dengan memastikan semua agihan fail kepada pegawai diminit dan direkodkan tarikh agihan dalam fail.
- 5.3.9 Semakan terhadap Borang Pemeriksaan Permohonan Perakuan Penginapan mendapati:
- (a) 41 (5%) borang tidak diisi syor oleh pegawai pemeriksa;
 - (b) 62 (7%) borang tiada rekod tarikh laporan dan syor oleh pegawai pemeriksa; dan
 - (c) hanya PTK Subang Jaya dan PTK Kuantan telah memastikan tiada keculasan pegawai pemeriksa dalam mengisi syor dan tarikh laporan di borang pemeriksaan.

- 5.3.10 Semakan lanjut terhadap Borang Pemeriksaan Permohonan Perakuan Penginapan turut mendapati:
- (a) 61 (7%) borang tiada syor ketua pejabat;
 - (b) 68 (8%) borang tiada rekod tarikh laporan dan syor oleh ketua pejabat; dan
 - (c) hanya PTK Subang Jaya tiada sebarang keculasan oleh ketua pejabat dalam mengisi syor dan tarikh laporan.
- 5.3.11 Hasil naziran selanjutnya mendapati 448 (50%) tarikh surat pemakluman keputusan yang dibuat di peringkat JTK Negeri tidak direkodkan di dalam fail permohonan di PTK. Ini berlaku di PTK Bangi (100 permohonan), PTK Butterworth (93 permohonan), PTK Kuala Lumpur (89 permohonan), PTK Georgetown (74 permohonan), PTK Subang Jaya (47 permohonan), PTK Johor Bahru (25 permohonan), PTK Temerloh (13 permohonan), PTK Kuantan (4 permohonan) dan PTK Batu Pahat (3 permohonan).
- 5.3.12 Hasil naziran mendapati 418 (46%) keputusan mesyuarat yang telah dikeluarkan di JTK Negeri tidak direkodkan dalam fail permohonan di PTK iaitu di PTK Bangi (100 permohonan), PTK Kuala Lumpur (98 permohonan), PTK Subang Jaya (78 permohonan), PTK Temerloh (47 permohonan), PTK Johor Bahru (44 permohonan), PTK Butterworth (42 permohonan), PTK Kuantan (6 permohonan), PTK Georgetown (2 permohonan) dan PTK Batu Pahat (1 permohonan).
- 5.3.13 Tempoh masa penyelesaian permohonan perakuan penginapan pekerja adalah seperti berikut:
- (a) 769 (85%) permohonan dikendalikan oleh PTK melebihi tempoh masa 10 hari bekerja. Senarai tersebut adalah di PTK Subang Jaya (98 permohonan), PTK Bangi (95 permohonan), PTK Georgetown (93 permohonan), PTK Temerloh (92 permohonan), PTK Butterworth (91 permohonan), PTK Kuala Lumpur (90 permohonan), PTK Kuantan (79 permohonan), PTK Batu Pahat (69 permohonan) dan PTK Johor Bahru (62 permohonan); dan
 - (b) 685 (76%) keputusan mesyuarat di peringkat JTK Negeri dikeluarkan melebihi tempoh 12 hari bekerja. Ini melibatkan permohonan yang dikeluarkan oleh JTK Selangor (187 permohonan) iaitu PTK Bangi (100 permohonan) dan PTK Subang Jaya (87 permohonan), JTK Pahang (152 permohonan) iaitu PTK Temerloh (84 permohonan) dan PTK Kuantan (68 permohonan), JTK Pulau Pinang (144 permohonan) iaitu PTK Georgetown (78 permohonan) dan PTK Butterworth (66

permohonan), JTK Johor (126 permohonan) iaitu di PTK Batu Pahat (66 permohonan) dan PTK Johor Bahru (60 permohonan) serta JTK Kuala Lumpur iaitu di PTK Kuala Lumpur (76 permohonan).

5.3.14 Semakan terhadap pengurusan fail permohonan perakuan penginapan pekerja mendapati:

- (a) 659 (73%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail;
- (b) 624 (69%) fail tiada rekod minit tindakan dalam kertas minit;
- (c) 607 (67%) fail tiada dokumen tertentu dikandung dalam fail fizikal;
- (d) 493 (55%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit;
- (e) 805 (89%) fail menunjukkan tarikh penerimaan fail permohonan di JTK Negeri dari PTK tidak direkodkan di kertas minit; dan
- (f) terdapat PTK yang menggabungkan lebih daripada 1 permohonan perakuan penginapan pekerja dalam 1 fail berdasarkan nama majikan.

5.4 Agensi Pekerjaan Swasta

- 5.4.1 Sepanjang tahun 2022, bilangan permohonan lesen baharu yang diterima adalah berjumlah 168 dan pembaharuan lesen pula sebanyak 549. Jumlah APS berlesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 sehingga 31 Disember 2022 adalah 1,176 terdiri daripada 308 Lesen A, 305 Lesen B dan 563 Lesen C.
- 5.4.2 Sebanyak 450 fail di peringkat PTK, 60 fail di JTK Negeri dan 50 fail di Ibu Pejabat telah disemak bagi aktiviti pelesenan APS.
- 5.4.3 Semakan naziran mendapati permohonan pelesenan APS di negeri Pahang adalah diproses sepenuhnya oleh JTK Pahang. Ini bertujuan untuk meneruskan kesinambungan proses sebelum ini yang dilaksanakan oleh JobsMalaysia (JMC) Pahang dan apabila fungsi JMC telah dipindahkan daripada JTK, perjawatan di JMC telah ditempatkan di JTK Pahang. Tindakan ini juga dilaksanakan untuk meringankan beban pelaksanaan operasi di PTK. Walau bagaimanapun, proses ini telah menyebabkan tiada peranan PTK dalam proses permohonan pelesenan APS sebagaimana ditetapkan dalam SOP.
- 5.4.4 Hasil semakan mendapati 15 (3%) fail tiada dokumen permohonan yang diterima daripada APS dikandung dalam fail. Ini melibatkan PTK Georgetown (12 fail), PTK Subang Jaya (2 fail) dan PTK Kuala Lumpur (1 fail). Justifikasi terhadap perkara ini adalah fail dibuka jilid baharu dan dokumen permohonan berada dalam fail yang telah ditutup.
- 5.4.5 Semakan terhadap resit bayaran fi proses mendapati 31 (7%) permohonan tidak dikeluarkan atas nama APS, sebagaimana pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perkara ini berlaku di PTK Georgetown (20 resit), PTK Kuala Lumpur (8 resit) PTK Subang Jaya, PTK Butterworth serta PTK Bangi masing-masing 1 resit.
- 5.4.6 Hasil naziran mendapati 264 (59%) resit bayaran fi dan proses dikeluarkan lewat dari tarikh penerimaan permohonan. Tindakan ini merupakan kegagalan dalam mematuhi prosedur kewangan yang menetapkan supaya resit bayaran dikeluarkan pada hari yang sama dengan tarikh penerimaan bayaran. Ini melibatkan PTK Kuala Lumpur (87 permohonan), PTK Subang Jaya (77 permohonan), PTK Bangi (53 permohonan), PTK Georgetown (33 permohonan), PTK Butterworth (9 permohonan), JTK Pahang (3 permohonan) dan PTK Batu Pahat (2 permohonan). Semakan lanjut mendapati hanya PTK Johor Bahru telah mengeluarkan semua resit bayaran fi dan proses bagi aktiviti pelesenan APS pada tarikh yang sama dengan penerimaan bayaran.

- 5.4.7 Semakan naziran mendapati 137 (30%) permohonan tidak diagihkan oleh ketua pejabat tetapi diagihkan oleh ketua unit atau Pembantu tadbir di PTK Subang Jaya, PTK Bangi dan PTK Georgetown. Pengagihan fail atau tugas kepada pegawai oleh Pembantu tadbir adalah tidak mematuhi ketetapan dalam SOP.
- 5.4.8 Hasil naziran mendapati 32 permohonan pelesenan APS yang dihantar oleh APS adalah tidak lengkap berdasarkan senarai semak yang ditetapkan. 22 permohonan menunjukkan PTK membuat pemakluman kepada APS supaya dokumen permohonan dilengkapi supaya dapat diproses oleh PTK. Namun begitu, terdapat 10 permohonan tiada pemakluman daripada PTK kepada APS untuk melengkapi permohonan tersebut.
- 5.4.9 Semakan turut mendapati hanya 13 (3%) permohonan lesen APS tidak dijalankan pemeriksaan premis iaitu di PTK Georgetown (12 permohonan) dan PTK Johor Bahru (1 permohonan). SOP menetapkan bahawa untuk tujuan pelesenan APS, siasatan premis merupakan salah satu keperluan sebelum sesuatu lesen APS diluluskan oleh JTKSM.
- 5.4.10 Semakan naziran juga mendapati 17 (4%) borang pemeriksaan APS tidak lengkap kerana tiada laporan dan syor pegawai pemeriksa dan pegawai yang terlibat adalah di PTK Georgetown (15 borang) dan PTK Kuala Lumpur (2 borang). Selain itu, 14 (3%) Minit Perakuan tidak dilengkapi oleh pegawai pemeriksa iaitu di PTK Georgetown (11), PTK Kuala Lumpur (1), PTK Johor Bahru (1) dan PTK Butterworth (1). Selanjutnya didapati 14 (3%) permohonan tiada syor ketua pejabat di Borang Pemeriksaan, 14 (3%) tiada syor ketua pejabat di Minit Perakuan dan 16 (4%) tiada Minit Perakuan direkod dalam fail fizikal.
- 5.4.11 Tempoh masa penyelesaian permohonan pelesenan APS adalah seperti berikut:
- (a) 65 (14%) daripada 450 permohonan di peringkat PTK diproses melebihi tempoh 30 hari daripada tarikh dokumen APS diterima di PTK;
 - (b) 4 (7%) daripada 60 keputusan syor permohonan dikeluarkan oleh JTK Negeri melebihi tempoh 15 hari daripada tarikh dokumen diterima daripada PTK;
 - (c) 8 (16%) daripada 50 keputusan permohonan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat melebihi tempoh 15 hari daripada dokumen diterima daripada PTK atau JTK Negeri; dan
 - (d) semua lesen APS dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bukti bayaran wang jaminan dan fi lesen diterima daripada PTK atau JTK Negeri.

- 5.4.12 Semakan terhadap pengurusan fail aktiviti pelesenan APS di peringkat PTK mendapati:
- (a) 6207 (46%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail;
 - (b) 139 (31%) fail tiada rekod minit tindakan dalam kertas minit;
 - (c) 66 (15%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit dan 35 (8%) fail tiada dokumen dikandung dalam fail fizikal termasuk 15 fail yang tiada dokumen permohonan lesen APS; dan
 - (d) hanya PTK Batu Pahat yang merekodkan semua kandungan fail, minit tindakan dalam kertas minit dan pergerakan fail mengikut tatacara pengurusan fail.
- 5.4.13 Semakan terhadap pengurusan fail aktiviti pelesenan APS di peringkat JTK Negeri mendapati:
- (a) tiada fail dibuka untuk permohonan pelesenan APS di JTK Kuala Lumpur kerana semua tindakan dilaksanakan di PTK. Fungsi dan bidang kuasa JTK Negeri masih dilaksanakan oleh Pengarah tetapi semua rekod dan fail adalah di PTK Kuala Lumpur;
 - (b) semua fail APS di JTK Johor hanya dikandung dengan dokumen APS sahaja dan tiada kertas minit dalam fail, kandungan fail dan tindakan tidak diminitkan dan tiada rekod pergerakan fail; dan
 - (c) JTK Pahang, JTK Pulau Pinang dan JTK Selangor telah menguruskan fail mengikut tatacara pengurusan fail.
- 5.4.14 Semakan terhadap pengurusan fail aktiviti pelesenan APS di peringkat JTK Negeri mendapati:
- (a) semua dokumen daripada PTK dan JTK Negeri difailkan dan keputusan Ibu Pejabat direkod dalam fail fizikal;
 - (b) 3 (6%) fail tiada dokumen dikandung dalam fail fizikal;
 - (c) 3 (6%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit;
 - (d) 13 (26%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail; dan
 - (e) minit tindakan pegawai tidak direkodkan dalam kertas minit tetapi hanya diminitkan pada dokumen tertentu dalam fail.

5.4.14 Semakan naziran juga mendapati fail APS yang berpindah premis dan lokasi sama ada antara PTK dalam negeri yang sama atau berlainan negeri, fail tersebut akan dipindahkan ke PTK bagi lokasi baharu APS tanpa dibuat salinan untuk simpanan oleh PTK asal menyebabkan fail tidak dapat disemak semasa naziran. Ini melibatkan 25 fail di PTK Subang Jaya dan 2 fail di PTK Georgetown. Selain itu, PTK Temerloh juga tidak menyimpan salinan dokumen permohonan APS yang berada di bawah lokasi pentadbiran PTK tetapi diproses oleh JTK Negeri Pahang.

5.5 Permit Perburuhan

- 5.5.1 Jumlah keseluruhan permohonan permit perburuhan yang diterima pada tahun 2022 adalah 3,191 permohonan. Sebanyak 601 fail di PTK, 110 fail di Pejabat Negeri dan 53 fail di Ibu Pejabat telah disemak bagi aktiviti permit perburuhan.
- 5.5.2 Semua permohonan permit perburuhan di PTK didaftarkan dalam Daftar Permit tetapi menggunakan kaedah yang berbeza iaitu buku daftar secara manual (PTK Georgetown, PTK Butterworth, PTK Kuantan, PTK Temerloh, PTK Subang Jaya dan PTK Bangi), penggunaan 'Microsoft Excel' (PTK Johor Bahru dan PTK Kuala Lumpur) dan 'Google Sheets' (PTK Batu Pahat). Akan tetapi, terdapat 3 permohonan permit perburuhan tidak didaftarkan iaitu di PTK Johor Bahru (2 permohonan) dan PTK Kuantan (1 permohonan).
- 5.5.3 Naziran di peringkat PTK mendapati 82 (14%) borang permohonan permit tidak dikandung dalam fail atau tiada dalam fail. Majoriti jumlah ini adalah di PTK Subang Jaya (70 permohonan), PTK Butterworth (4 permohonan), PTK Johor Bahru dan PTK Bangi masing-masing 3 permohonan, PTK Georgetown dan PTK Kuala Lumpur masing-masing 1 permohonan. Semua borang permohonan permit yang diterima di PTK Batu Pahat, PTK Kuantan dan PTK Temerloh dikandung dalam fail.
- 5.5.4 Hasil naziran juga mendapati 98 (16%) borang permohonan permit tidak direkod dalam fail fizikal melibatkan permohonan permit di PTK Subang Jaya (86 permohonan), PTK Temerloh (4 permohonan), PTK Butterworth dan PTK Johor Bahru masing-masing 3 permohonan dan PTK Bangi (2 permohonan). PTK Georgetown, PTK Batu Pahat dan PTK Kuantan telah merekodkan semua borang permohonan permit yang diterima dalam fail fizikal.
- 5.5.5 Semakan naziran mendapati proses agihan fail untuk tugas pegawai di PTK, sebanyak 367 (61%) fail fizikal permohonan permit tidak diagihkan oleh ketua pejabat tetapi diagihkan oleh pembantu tadbir (274 fail) dan ketua unit (83 fail) dan manakala 10 fail tiada maklumat agihan fail. Agihan fail untuk tugas pegawai oleh pembantu tadbir berlaku di PTK Subang Jaya, PTK Butterworth dan PTK Bangi.
- 5.5.6 Hasil naziran mendapati 161 (27%) permohonan permit tidak disediakan laporan siasatan. Permohonan permit yang disediakan laporan pula menunjukkan 148 (25%) tiada ulasan pegawai penyiasat dan sebanyak 163 (27%) tiada syor ketua pejabat manakala 170 (28%) laporan siasatan tidak dihantar ke JTK Negeri atau Ibu pejabat. Keperluan untuk menyediakan laporan siasatan bagi setiap permohonan tidak dapat ditentukan semasa

naziran kerana tiada panduan disediakan untuk PTK. Oleh itu, ianya tertakluk kepada ketua pejabat atau pegawai penyiasat untuk menyediakan laporan termasuk bentuk atau format laporan bagi setiap permohonan. Keadaan ini juga menyebabkan wujud tindakan yang tidak konsisten dalam kalangan pegawai dan juga PTK bagi proses permohonan permit perburuhan contohnya terdapat PTK yang menghantar laporan ke JTK Negeri dan JTK Negeri akan menghantar laporan ke Ibu Pejabat sekiranya kuasa untuk kelulusan adalah di Ibu Pejabat. Namun begitu, ada juga PTK menghantar laporan terus ke Ibu Pejabat tanpa melalui JTK Negeri.

- 5.5.7 Semakan lanjut naziran terhadap 12 (11%) fail permohonan permit di peringkat JTK Negeri didapati keputusan tidak dimaklumkan kepada pemohon. Ini disebabkan oleh permohonan memerlukan siasatan lanjut oleh PTK dan keputusan adalah di peringkat Ibu Pejabat serta tiada maklum balas daripada Ibu Pejabat.
- 5.5.8 Tempoh masa penyelesaian permohonan permit perburuhan adalah seperti berikut:
- (a) 485 (81%) daripada 601 permohonan permit di peringkat PTK diselesaikan melebihi tempoh 7 hari dari tarikh permohonan diterima sehingga tarikh laporan dihantar ke JTK Negeri atau Ibu Pejabat;
 - (b) 60 (55%) daripada 110 permohonan permit dikeluarkan keputusan permohonan di peringkat JTK Negeri melebihi tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan laporan daripada PTK di JTK Negeri; dan
 - (c) 47 (89%) daripada 53 keputusan permohonan di peringkat Ibu Pejabat dikeluarkan melebihi tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan laporan daripada PTK atau JTK Negeri di Ibu Pejabat.
- 5.5.9 Semakan terhadap pengurusan fail aktiviti permit perburuhan bagi 601 fail di peringkat PTK mendapati:
- (a) 165 (27%) fail tiada rekod minit tindakan dalam kertas minit. Kebanyakan minit tindakan pegawai tidak direkodkan dalam kertas minit tetapi hanya diminitkan pada dokumen tertentu dalam fail;
 - (b) 163 (27%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit;
 - (c) 161 (27%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail; dan
 - (d) 112 (19%) fail tiada dokumen dikandung dalam fail fizikal.

- 5.5.10 Semakan naziran pengurusan fail aktiviti permit perburuhan bagi 110 fail di peringkat JTK Negeri mendapati:
- (a) 76 (69%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail;
 - (b) 73 (66%) fail tiada rekod minit tindakan dalam kertas minit;
 - (c) 29 (26%) fail menunjukkan kandungan fail tidak direkodkan dalam kertas minit hanya 1 (1%) fail tiada dokumen dikandung dalam fail fizikal;
 - (d) semua permohonan yang dipanjangkan daripada PTK difailkan dalam fail fizikal di pejabat negeri;
 - (e) tiada fail untuk permohonan permit di JTK Kuala Lumpur kerana semua tindakan dilaksanakan di PTK. Fungsi dan bidang kuasa JTK Negeri masih dilaksanakan oleh Pengarah tetapi semua rekod dan fail adalah di PTK Kuala Lumpur;
 - (f) semua fail permit perburuhan di JTK Johor hanya dikandung dengan dokumen permohonan permit sahaja dan tiada kertas minit dalam fail, kandungan fail dan tindakan tidak diminitkan serta tiada rekod pergerakan fail; dan
 - (g) terdapat PTK yang menggabungkan lebih daripada 1 permohonan permit perburuhan dalam 1 fail berdasarkan jenis permohonan permit.
- 5.5.11 Hasil naziran pengurusan fail aktiviti permit perburuhan bagi 53 fail di peringkat Ibu Pejabat pula mendapati:
- (a) semua dokumen dan keputusan direkod dalam kertas minit dan dikandung dalam fail fizikal;
 - (b) 43 (81%) fail tiada tarikh pergerakan fail direkodkan di kulit fail; dan
 - (c) 13 (25%) fail menunjukkan minit tindakan tidak direkodkan dalam kertas minit.
- 5.5.12 Semakan dalam sistem LMD mendapati:
- (a) 449 (75%) permohonan menunjukkan maklumat permohonan permit perburuhan dalam fail fizikal tidak sama dengan maklumat yang diisi dalam sistem;
 - (b) 109 (18%) permohonan menunjukkan medan penting tidak diisi; dan
 - (c) 34 (6%) permohonan tidak dikemas kini dalam sistem.

6. Syor Naziran

6.1 SOP aktiviti perburuhan JTKSM

- 6.1.1 Penyediaan SOP bagi aktiviti permit perburuhan.
- 6.1.2 Taklimat atau penerangan berkaitan SOP yang dikeluarkan sebelum dikuatkuasakan.
- 6.1.3 Semakan semula SOP Kes Buruh bagi proses pengeluaran saman kepada defendan untuk sebutan kes buruh kerana dalam SOP adalah pengeluaran notis.
- 6.1.4 Semakan semula SOP Pemeriksaan Berkanun:
 - (a) semakan semula arahan pelaksanaan pemeriksaan sendiri; dan
 - (b) semakan semula terma rujukan pemeriksaan di pejabat.

6.2 Latihan

- 6.2.1 Kursus pengurusan fail bagi semua pejabat cawangan dan ibu pejabat, kursus atau taklimat khusus untuk ketua pejabat.
- 6.2.2 Pembangunan kompetensi ketua pejabat supaya dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.
- 6.2.3 Meningkatkan jumlah kursus dan penyertaan pegawai berkaitan dengan pemahaman akta dan tugas bagi aktiviti perburuhan.

6.3 Pemantauan Aktiviti Perburuhan

- 6.3.1 Naziran berkala atau naziran silang dalam kalangan PTK dan JTK Negeri.
- 6.3.2 Pemeriksaan mengejut ke pejabat PTK dan JTK Negeri.
- 6.3.3 Pemantauan berkala oleh ketua pejabat, Pengarah dan Bahagian di Ibu Pejabat.

6.4 Sistem

- 6.4.1 Semakan semula medan dalam dalam LMD untuk aktiviti kes buruh, permit perburuhan dan pemeriksaan.
- 6.4.2 Semakan semula medan dan kemas kini dokumen dalam sistem eLC.
- 6.4.3 Membangunkan sistem pengumpulan maklumat atau pangkalan data untuk aktiviti pelesenan APS kerana semua proses masih dilakukan secara manual termasuk penyimpanan data APS.
- 6.4.4 Penambahbaikan Sistem Akta446 untuk tujuan memberi tambah nilai kepada proses permohonan perakuan penginapan pekerja.

6.5 Pengurusan

- 6.5.1 Semakan beban tugas dan kapasiti pegawai di setiap PTK.
- 6.5.2 Pertukaran pegawai yang telah lama berkhidmat di sesebuah PTK.
- 6.5.3 Perancangan atau penetapan kumpulan sasar aktiviti perburuhan seperti pemeriksaan berkanun contohnya sektor atau jumlah pekerja yang digajikan oleh majikan dan penentuan majikan yang hendak diperiksa.
- 6.5.4 Tindakan tatatertib atau pentadbiran kepada pegawai yang berterusan tidak melaksanakan tugas berdasarkan SOP.
- 6.5.5 Pertukaran fail selepas agihan oleh ketua pejabat adalah tidak dibenarkan kecuali agihan semula oleh ketua pejabat dan direkodkan dalam daftar atau sistem.



RUMUSAN

7. Rumusan Naziran

Naziran ini merumuskan proses kerja aktiviti perburuhan yang ditetapkan secara asasnya dalam SOP adalah dipatuhi. Akan tetapi, naziran juga mendapati terdapat kelemahan yang boleh ditambah baik seperti kualiti dari segi siasatan, laporan, semakan ketua pejabat, pemantauan, pengurusan fail dan integriti data dalam sistem terutama LMD.

RUJUKAN

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Akta Kerja 1955

Akta Standard Minimum Perumahan,
Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990

JTKSM, Merentasi Sempadan Menyatukan
Minda Aspirasi Perburuhan, Putrajaya

JTKSM, 2021, Pelan Strategik JTKSM 2021 – 2025,
Putrajaya



PASUKAN NAZIRAN 2023

PENAUNG



Haji Mohd. Asri bin Abd. Wahab
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

PENASIHAT



T. Shanmugam
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)

PENYELARAS



Haji Nasir bin Haji Kassim
Pengarah Dasar & Perancangan Strategik

URUS SETIA



Mohamad Faizal
bin Ahmad Termizi

KETUA PASUKAN



Norlia Anak Jawor
Timbalan Pengarah
Dasar & Perancangan Strategik

URUS SETIA



Nur Ruzaini binti
Jamaludin

PERAKUAN PENGINAPAN




Nisbah Awatiff
binti Md. Noh



Suzanawati
binti Zulkepli



Siti Rohayu
binti Mohd



Siti Sarah binti
Abdul Ghafoor

PEMERIKSAAN BERKANUN



Nurul Ismi
binti Che Hamid



Idawati
binti Ibus



Sharin Imran
bin Bakri



Norzianah binti
Hassan

KES BURUH



Azrul Amin bin
Ahmad Latifi



Safinaz Hiriyati
binti Sanusi



Benifaceus bin
Gidok @ Basil



Amerrul Anuar
bin Mohamad

PERMIT PERBURUHAN



Nur Hazwani
binti Othman



Junaidah binti
Tukiman



Muzzaffar bin
Awang @ Awang
Mukhtar



Narkumaran A/L
Selvaraja



Irzawina
binti Tahir


AGENSI PEKERJAAN SWASTA



Nurul Azura
binti Arif



Nurul Asyikin
binti Mohd
Arshad



Nurul Anyza
binti Fauzi



Mohd Azizol
bin Mohd Zain



Nor Faezah
binti Saini



Muhammad
Hapis bin Abas

PENGHARGAAN

Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam Naziran Aktiviti Perburuhan 2023 khususnya kepada:

Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang
Jabatan Tenaga Kerja Johor
Jabatan Tenaga Kerja Selangor
Jabatan Tenaga Kerja Kuala Lumpur
Jabatan Tenaga Kerja Pahang
Pejabat Tenaga Kerja Georgetown
Pejabat Tenaga Kerja Butterworth
Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru
Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat
Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya
Pejabat Tenaga Kerja Bangi
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur
Pejabat Tenaga Kerja Kuantan
Pejabat Tenaga Kerja Temerloh

Terima kasih!

